

DITINGGALKAN KEKASIH - BERDOA, BERSEDIA DAN TABAH

BERSEDIA menghadapi masalah merupakan sebahagian daripada sikap positif yang perlu ditunjukkan oleh pelajar. Bagaimanapun, sebelum tu, kita perlulah mengenal pasti apakah masalah-malah yang dihadapi oleh pelajar. Adakah ia benar-benar masalah, atau sekadar mainan perasaan atau emosi sahaja.

Di antara masalah yang sering melanda pelajar adalah seperti berikut:

1. Masalah keluarga
2. Masalah kewangan
3. gagal dalam percintaan
4. Tidak suka guru tertentu
5. Tidak bersefahaman dengan rakan sebilik, bagi yang tinggal di asrama
6. Menghadapi kesukaran dalam mata pelajaran Matematik, bahasa Inggeris, Fizik dan Kimia.

Masalah yang disenaraikan di atas dianggap berat oleh yang menanggungnya. Seorang pelajar perempuan akan hilang minat untuk belajar kerana ditinggalkan oleh teman lelakinya, sedangkan pelajar perempuan itu bukanlah pelajar yang lemah. Malah keputusan sebelum kejadian tersebut menunjukkan keputusan peperiksaan yang cemerlang.

Mengapa ramai orang tewas dan tersungkur dengan pelbagai masalah yang datang dalam kehidupan mereka?

Salah satu sebab utama adalah kerana mereka mengaitkan masalah tersebut dengan perkara-perkara lain.

Kenapa perlu mengaitkan kehilangan teman istimewa dengan peluang untuk belajar ?

Kegagalan dalam perhubungan sesama manusia sepatutnya ditebus dengan mencuba untuk mendapatkan keputusan peperiksaan yang lebih baik.

Untuk menguji sikap anda apabila berhadapan dengan masalah, cuba anda jawab senarai semak berikut dengan sejujur-jujurnya.

Adakah anda mempunyai kebiasaan berikut:

1. Tidak membuat jangkaan
2. Terlalu memikirkan kesilapan
3. Memaksa diri secara keterlaluan
4. Tidak percaya pemikiran sendiri
5. mendiamkan diri apabila tidak faham.
6. Asyik mencari jawapan yang betul.
7. Tidak mempunyai sistem mengingati idea
8. Menanti nasihat daripada orang yang dikenali.

Tanamkan di dalam minda anda bahawa kadang kala kebiasaan perlu diubah untuk mendapatkan kejayaan yang lebih cemerlang.

Pada kelazimannya, kebanyakan masalah pelajar berpusing kepada sikap dan perilaku pelajar itu sendiri.

Masalah yang kelihatannya sungguh sukar, sebenarnya boleh diselesaikan atau dipecahkan sendiri oleh pelajar.

Walau bagaimanapun, sebagai pelajar, anda boleh mengambil beberapa langkah tertentu bagi mengatasi masalah yang mungkin timbul. Umpamanya:

1. Berdoa untuk mendapatkan kekuatan
2. Bersiap sedia untuk menghadapi kemungkinan yang paling teruk. Penentuan kemungkinan ini amat penting bagi mencari alternatif yang lebih baik.
3. Cuba melihat sesuatu permasalahan dari sudut yang berbeza (pemikiran positif).
4. Mengambil iktibar daripada pengalaman lepas.
5. Cuba menilai semula segala kejadian yang menyebabkan permasalahan tersebut (pemikiran positif).
6. Mengambil iktibar daripada pengalaman lepas.
7. Cuba menilai semula segala kejadian yang menyebabkan permasalahan tersebut.
8. Berjanji kepada diri sendiri untuk tidak mengulangi perkara yang sama.
9. Menerima masalah tersebut dengan hati terbuka